

3570:
MAHATHIR-KOREA
(1)

1980

KUALA LUMPUR, 17 NOV. (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMINTA KOREA SELATAN SUPAYA MENIMBANG UNTUK MENUBUHKAN PROJEK-PROJEK USAHASAMA BAGI MENGELUARKAN BARANG-BARANG PERANTARAAN DARI PETROLIAM DI NEGARA INI.

MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN KOREA SELATAN, ENCIK SUK JOON SIK, YANG SEDANG MELAWAT NEGARA INI TELAH MEMBERITAHUNYA DI SATU MESYUARAT DI SINI BAHAWA NEGARA ITU BERMINAT MENGELUARKAN BARANG-BARANG PERANTARAAN DARI PETROLIAM DAN BERHARAP DAPAT MEMPEROLEHI BAHAN-BAHAN MENTAH DARI ARAB SAUDI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENERANGKAN KEPADA ENCIK SUK BAHAWA KOREA SELATAN LEBIH DEKAT KEPADA MALAYSIA DARI ARAB SAUDI, DAN ADALAH LEBIH BIJAK BAGI KOREA SELATAN MENGADAKAN USAHASAMA DI NEGARA INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, MEMBERITAHU PARA PEMBERITA KEMUDIAN BAHAWA BELIAU TELAH MENCADANGKAN SUPAYA KOREA SELATAN BERUNDING DENGAN PETRONAS DALAM PERKARA TERSEBUT.

BAGAIMANAPUN, BELIAU ENGGAN MENYEBUT BARANG PERANTARAAN PETROLIAM YANG MALAYSIA BERMINAT MENGELUARKANNYA. — BERSAMBUNG 1720;

3576:
MAHATHIR-KOREA 2 KUALA LUMPUR

149

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN KERAJAAN KINI MEMIKIRKAN TENTANG GAS BERSEKUTU YANG TERDAPAT DENGAN BANYAKNYA DI TRENGGANU.

SEKIRANYA PIHAK KOREA SELATAN BERMINAT, SALURAN-SALURAN PAIP KHAS AKAN DIREKABENTUK UNTUK MENYALURKAN GAS ITU KE DARAT KEPADA PERUSAHAAN-PERUSAHAAN BERKENAAN.

BELIAU MENEGASKAN KERAJAAN HARUS DIBERITAHU TERLEBIH DAHULU UNTUK TUJUAN APA GAS ITU AKAN DIGUNAKAN KELAK.

MENGENAI PENGELUARAN POLY VINYL CHLORIDE (ATAU PVC), BELIAU BERKATA MALAYSIA HARUS MENEROKA PASARAN DI SEBERANG LAUT KERANA PASARAN TEMPATAN ADALAH TERLALU KECIL.

+KITA PERLU MENENTUKAN PASARAN TERLEBIH DAHULU SEBELUM MEMULAKAN PERUSAHAAN, DAN PERANCANGAN TELITI ADALAH PENTING BAGI MENGELAKKAN PEMBAZIRAN JUMLAH BESAR WANG, + TEGASNYA. — BERSAMBUNG 1735/A1

MAHATHIR-KOREA 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA MALAYSIA BERMINAT MENGEKSPORT BARANG-BARANG KILANG KE KOREA SELATAN DAN BUKAN SETAKAT MENJUAL BAHAN MENTAHNYA SAHAJA.

BELIAU MEMBERITAHU ENCIK SUK SEKIRANYA KOREA SELATAN INGIN MEMUASKAN PERUSAHAANNYA YANG BERASASKAN GETAH, NEGARA ITU HENDAKLAH MELABUR DI MALAYSIA.

BELIAU MENYEBUT BEBERAPA SEBAB MENGAPA KOREA SELATAN HARUS BERBUAT DEMIKIAN, TERMASUK BEKALAN GETAH YANG BANYAK DAN MURAH SERTA KOS BURUH YANG AGAK MURAH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENGUNDANG KOREA SELATAN MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PERUSAHAAN BINAAN TEMPATAN DENGAN MENYEDIAKAN KAKITANGAN MAHIR. — BERNAMA 1739/A1